

17 JUN 1998

Mahathir-perhimpunan

BERTANGGUNGJAWAB DALAM UCAPAN DI PERHIMPUNAN UMNO, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan perwakilan Umno bahawa mereka bertanggungjawab sepenuhnya terhadap ucapan masing-masing pada Perhimpunan Agung parti itu yang bermula esok dengan perhimpunan Pemuda dan Wanita.

Perdana Menteri berkata ingatan itu bukan satu halangan untuk mereka bercakap tetapi untuk memastikan setiap yang diucapkan dibuat dengan penuh tanggungjawab.

Bercakap kepada pemberita selepas memberi taklimat kepada perwakilan Umno, beliau berkata tanggungjawab itu termasuklah memikul akibatnya daripada kesan yang mungkin timbul berikutan ucapan mereka kelak.

"Taklimat (hari ini) hanya untuk jelaskan bahawa ia bukan bertujuan untuk memberi arahan dan apa yang delegasi boleh cakap tetapi sebaliknya hanya menekankan pentingnya mereka bertanggungjawab apa yang mereka kata dan jika sesuatu berlaku akibat yang dia kata, dia mesti bertanggungjawab," katanya.

Ketika ditanya jika ada perwakilan yang bercakap mengenai nepotisme dan kronisme dan adakah mereka ini akan menerima akibat, Perdana Menteri berkata: "Kalau dia menyebabkan parti berpecah dan menyebabkan tindakan tertentu diambil terhadap orang-orang tertentu, itu kerana dialah."

Dr Mahathir juga berkata taklimatnya bukan satu ugutan sebaliknya "kita mahu orang bersikap bertanggungjawab."

Beliau berkata ada orang hanya tahu bercakap tetapi apabila berlaku sesuatu, mereka dengan mudah akan melepas tangan dengan berkata mereka tidak menjangkakan akibatnya.

"Kita harus menjadi anggota Umno yang bertanggungjawab. Ia juga untuk semua orang," katanya.

Ketika ditanya sama ada akibat yang terpaksa dipikul oleh mereka yang membuat kenyataan tidak bertanggungjawab itu termasuk "tidak terpilih", Dr Mahathir berkata: "Itu satu kemungkinan...maksud saya, disebabkan dia, parti menjadi lemah dan tidak berkeupayaan, itu juga tanggungjawab dia."

Menjelaskan maksudnya tentang ucapan yang tidak bertanggungjawab, Perdana Menteri berkata: "Kita dapati ada orang yang tidak dapat membuktikan apa yang dicakapkan, dakwaan dibuat secara am dan boleh menimbulkan syak wasangka, sedangkan ianya tidak boleh dibuktikan."

"Ini amat tidak baik untuk parti," katanya.

Ketua Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi minggu lepas membangkitkan isu mengenai amalan nepotisme and kronisme yang dikatakan berlaku dalam pembahagian projek-projek kerajaan.

Mengulas perkara ini, Dr Mahathir berkata: "Saya yakin dia bertanggungjawab dengan apa yang dikatanya."

"Semua orang bertanggungjawab dan saya pun bertanggungjawab dengan apa yang saya katakan. Tak bolehlah saya pergi (ke perhimpunan agung) dan berkata sesuatu yang akan menjejaskan parti dan kemudian berkata saya minta maaf kerana saya tidak menjangka itu akan berlaku," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata beliau turut menjelaskan mengenai pembahagian projek-projek pembangunan yang sesetengah pihak menganggap berlaku pilih kasih.

"Kita explain (jelaskan), apa yang kita cuba bukan nak jadikan semua orang sama kaya tetapi yang kita cuba ialah supaya piramid antara kaum dengan kaum, pembahagian strata itu mestilah lebih kurang sama," katanya.

Yang turut hadir pada persidangan berita itu ialah Datuk Seri Anwar

Ibrahim dan Ketua Penerangan Umno Datuk Dr Yusof Nor.

Zahid ketika ditemui selepas itu berkata beliau akan tetap memperkatakan mengenai nepotisme dan kronisme dalam ucapannya esok.

-- BERNAMA

MNY NZ MAI